



LENSA

USAHAWAN



Edisi 1/2016 | PERCUMA

www.risda.gov.my

INFO USAHAWAN BIMBINGAN RISDA

PERHIMPUNAN USAHAWAN PEKEBUN KECIL NASIONAL

2015



JEJAK USAHAWAN JAYA

MENJANA USAHAWAN GLOBAL



DARI MEJA KETUA PENGARANG



Hjh. Halimah binti Abd. Kadir
Bahagian Pembangunan Usahawan

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Alhamdulillah segala pujian bagi Allah SWT kerana sekali lagi dapat bertemu di ruangan ini. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada sidang Buletin 'Lensa Usahawan' kerana berusaha merealisasikan penerbitan ini yang penuh dengan mesej serta kisah kejayaan yang amat bermanfaat kepada para usahawan pekebun kecil. Terima kasih juga diucapkan kepada semua warga RISDA dari seluruh Negara yang sudi menghantar artikel serta gambar kejayaan usahawan di negeri masing-masing. Semoga usaha murni ini berterusan untuk penerbitan buletin akan datang.

Berbagai program keusahawanan telah mewujudkan oleh RISDA untuk menambah pendapatan

masyarakat pekebun kecil agar tidak hanya bergantung kepada hasil kebun sahaja. Semoga dengan paparan kisah kejayaan usahawan-usahawan dalam keluaran kali ini dapat sedikit sebanyak membantu menarik minat keluarga pekebun kecil lain untuk berkecimpung dalam bidang keusahawanan yang disediakan oleh RISDA ini. Tahniah diucapkan kepada semua usahawan-usahawan yang telah berjaya meningkatkan pendapatan keluarga! Semoga terus berjaya sehingga mencapai taraf global, Insya Allah

Selamat Maju Jaya!

**'Menjana Usahawan Global'
'Membandarkan Luar Bandar'**

EDITORIAL

Penaung
Dato' Hj. Mohamat bin Muda

Penasihat
Hj. Mohd. Najib bin A. Samad

Ketua Pengarang
Hjh. Halimah Abd. Kadir

Editor
Pn. Nor Elina binti Datuk Kamaruddin

Sidang Pengarang
En. Muhammad Hilmi bin Sulaiman
Pn. Jarinah binti Maarof
En. Mohammad Firdaus bin Zulkufi
Mohd Azman bin Hasan
En. Saiful Asyraffi bin Suhaimi
Pn. Nurulsyuhada binti Ahmad

Jurufoto
Abd. Malek bin Kassim
Nurulsyuhada binti Ahmad

Kami mengalu-alukan sumbangan karya berbentuk penulisan kreatif, foto selain rencana mengenai aktiviti dan peristiwa berkaitan usahawan untuk dimuatkan di dalam Buletin ini yang akan diterbitkan secara dwi setahun. Sila hantarkan karya anda kepada:

Ketua Pengarang, Lensa Usahawan
Bahagian Pembangunan Usahawan
Tingkat 3, Bangunan RISDA KM 7,
Jalan Ampang, Karung Berkunci 11067,
50990 Kuala Lumpur
Tel : 03- 4256 4022 Faks: 03-4256 7944
Email:usahawan@risda.1govuc.my

ISI KANDUNGAN

- 2 ● Kandungan Lensa Usahawan Bil 1/2016
- 2 ● Dari Meja Ketua Pengarang
- 3 ● 80 Orang Usahawan Risda Sertai Karnival Usahawan Desa (Kud) 2015
- 4-5 ● Transformasi Minda 2000 Usahawan Risda Meriahkan Majlis Perhimpunan Usahawan Pekebun Kecil Nasional 2015
- 6 ● Adat Periuik Berkerak, Adat Lesung Berdedak
- 7 ● Aiskrim Penghilang Dahaga, Menjana Pendapatan
- 8 ● Batik kian Ditelan Zaman
- 9 ● Biar Putih Tulang Jangan Putih Mata
- 10 ● Makanan Kegemaran Keluarga Sumber Perniagaan
- 11 ● Sabar Penghilang Penat, Tekun Pembawa Berkat
- 12-13 ● Imbasan Aktiviti Usahawan: Majlis Perhimpunan Usahawan Pekebun Kecil Nasional 2015
- 14 ● Yang Bulat Tak Kan Datang Bergolek, Yang Pipih Takkan Datang Melayang
- 15 ● Menyauk Air Mandikan Diri
- 16 ● Perniagaan Tradisi Diberi Nafas Baru
- 17 ● Ibu Tunggal Bangga Mampu Jana Pendapatan Tinggi Setiap Bulan
- 18 ● Jahitan, Sumber Pendapatan Lumayan
- 19 ● Di Mana Ada Kemahuan Di Situ Ada Jalan
- 20 ● Kuasai Ilmu, Hadapi Cabaran
- 21 ● Rezeki Takkan Datang Bergolek
- 22 ● Usahawan Belia Kampung Pulau Tiga
- 23 ● Kehalusan Ukiran Menambah Pendapatan
- 24 ● Maklumat Skim Pinjaman Tabung Pembangunan

Team
Sidang
Pengarang





80 ORANG USAHAWAN RISDA SERTAI KARNIVAL USAHAWAN DESA (KUD) 2015

Oleh : Mior Anuar Noor bin Mior Ahmad Noor, Bahagian Pembangunan Usahawan

Karnival Usahawan Desa (KUD) 2015 telah diadakan di Presint 3, Putrajaya pada 2-6 September 2015 berjaya menarik lebih sejuta pengunjung. Karnival ini dianjurkan oleh Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah dua tahun sekali bagi memperkenalkan, mempromosi dan memperluaskan akses pasaran, memartabatkan produk serta perkhidmatan usahawan luar bandar.

KUD memberi tumpuan utama terhadap aktiviti-aktiviti mencipta peluang pasaran seperti pepadanan perniagaan, mempelbagaikan jaringan perniagaan di samping meningkatkan semangat daya saing di antara usahawan. Ia akan dapat mencipta peluang untuk produk dan perkhidmatan luar Bandar serta meneroka potensi pasaran.

Seramai lebih 651 usahawan luar bandar dan 62 agensi swasta mengambil bahagian dalam karnival ini. Pengunjung dapat berjumpa dengan usahawan sendiri dan menyaksikan pelbagai inovasi produk dan perkembangan produk luar bandar termasuk dari segi penjenamaan, pembungkusan dan analisis pasaran.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Perdana Menteri Malaysia, YAB Datuk Seri Najib Razak. Hadir sama pada majlis tersebut ialah Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob serta dua timbalannya,



Datuk Alexander Nanta Linggi dan Datuk Ahmad Jazlan Yaakub.

YAB Perdana Menteri dalam ucapan perasmian berkata, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan hasil pertanian perlu dibawa lebih dekat kepada pasaran samada di peringkat tempatan atau serantau bagi memastikan usahawan terbabit memperoleh pendapatan lebih besar.

“Satu daripada caranya mengadakan karnival seperti ini (KUD 2015). Kita mesti membawa pasaran menghampiri pengeluar secara fizikal, jadi produk dijual dan pendapatan itu sebahagian besar peratusannya mengalir ke tangan pengusaha PKS atau petani,” katanya.

Beliau berkata lagi, “Usahawan dalam bidang PKS perlu berani mencabar diri dengan menceburi bidang perniagaan yang tidak terfikir oleh orang lain untuk menjana pendapatan jauh lebih besar”.



Seramai lebih kurang 1 juta orang pengunjung telah mengunjungi karnival ini dengan jualan dan tempahan mencapai RM 14 juta. Selain gerai-gerai jualan usahawan, pelbagai acara turut diadakan bagi memeriahkan dan menarik pengunjung datang ke KUD 2015, di antaranya ialah ceramah agama, konsert KUD 2015, Business Matching, sukan rakyat, KUD Idol, demonstrasi produk dan makanan, persembahan kebudayaan dan pelbagai lagi aktiviti-aktiviti yang menarik.

Sesungguhnya, KUD 2015 yang telah diadakan di Putrajaya merupakan penganjuran yang paling meriah dan mencapai matlamat yang ditetapkan.

TRANSFORMASI MINDA 2000 USAHAWAN RISDA MERIAHKAN MAJLIS PERHIMPUNAN USAHAWAN PEKEBUN KECIL NASIONAL 2015

Oleh : Nurulsyuhada bt Ahmad, Bahagian Pembangunan Usahawan
Diedit oleh : Nor Elina bt Datuk Kamaruddin, Bahagian Pembangunan Usahawan



Bertempat di Dewan Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah telah berlangsungnya satu Majlis Perhimpunan Usahawan Pekebun Kecil Nasional 2015. Program yang telah diadakan pada 28 dan 29 November 2015 ini telah dihadiri oleh 2000 orang Usahawan Bimbingan RISDA seluruh negara. Majlis yang julung kali diadakan ini adalah anjuran Bahagian Pembangunan Usahawan RISDA dan telah dirasmikan oleh YB Dato` Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW). Antara objektif perhimpunan ini adalah untuk memupuk budaya keusahawanan di kalangan Pekebun Kecil RISDA. Melalui program

ini juga diharap dapat mengeratkan lagi hubungan silaturrahim antara usahawan dengan RISDA di samping mempertingkatkan rantai perniagaan dan pengetahuan di kalangan Usahawan Bimbingan RISDA serta meluaskan jaringan perniagaan Usahawan.

Program yang berlangsung selama 2 hari ini telah dipenuhi dengan pelbagai acara yang menarik antaranya Majlis Pemberian Watikah Perlantikan Vendor Jahitan kepada 30 orang usahawan jahitan daripada Negeri Kelantan dan Terengganu. Selain daripada itu, Watikah Perlantikan juga telah diberikan kepada 12 orang peserta Vendor Bistari Ayamas dan 20 orang Usahawan RisSMart. Penyampaian Anugerah Usahawan dan



Sijil Pengiktirafan Inovasi juga telah diadakan pada malam perasmian kepada Usahawan Bimbingan RISDA yang berjaya serta memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Pada hari kedua majlis ini telah diisi dengan slot Bicara Minda Usahawan yang disampaikan oleh penceramah yang didatangkan khas iaitu Datuk Rosyam Nor atau nama sebenarnya Mohamed Noor bin Shamsuddin dengan tajuk Transformasi Minda Keusahawanan. Beliau telah berkongsi pengalamannya dari mula beliau menceburi bidang keusahawanan sehingga berjaya. Beliau juga dikenali sebagai seorang petani yang berjaya hasil penglibatannya dalam projek tanaman nangka madu di Taman Kekal Pengeluaran Makanan (TKPM) Lanchang,

Pahang pada tahun 2010. Moderator bagi sesi tersebut ialah Pengarah Bahagian Pelaburan dan Pembangunan Syarikat iaitu En Ahmad Zainal bin Abdullah

Slot kedua Bicara Minda Usahawan telah membawa salah seorang personaliti TV Al-Hijrah sebagai penyampai iaitu Saudara Amin Idris dengan tajuk ceramah beliau Magnet Keusahawanan. Beliau tidak lokek dalam perkongsian ilmu dan pengalaman beliau agar dapat dijadikan inspirasi serta dorongan kepada semua Usahawan Bimbingan RISDA untuk terus maju dan berjaya di dalam industri keusahawanan. Moderator bagi sesi tersebut ialah Pengarah Bahagian Tanam Semula dan Perladangan iaitu En Nasarudin Bin Malek.

“RISDA perlu berusaha dalam aktiviti pemasaran supaya hasrat kerajaan mahu produk tempatan dijual di pasaran antarabangsa boleh dilaksanakan dalam tempoh terdekat. Kelemahan ini boleh diatasi jika usahawan tidak malu kehadapan meminta bantuan daripada pelbagai agensi di bawah KKLW seperti RISDA. Semestinya jika kena cara dan kehendak, kita pasti membantu usahawan berkenaan hingga berjaya”

YB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob
Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah



Keputusan penuh pemenang anugerah adalah seperti berikut:-

- Anugerah Usahawan Gemilang Seri Menteri
– Mat Sah bin Abd. Rahman (*Melaka*)
- Anugerah Perdana Usahawan
– Pn Nur Rahayu binti Mohamed (Pahang)
- Anugerah Usahawan Jaya (Lelaki)
– Pn Mohd. Fadhil bin Ibrahim (*Pulau Pinang*)
- Anugerah Usahawan Jaya (Wanita)
– Pn Noraini binti Mohd. Nor (*Terengganu*)
- Anugerah Usahawan Muda
– Pn Putri Mira binti Mohd. Jasmi Tan (*Selangor*)

Majlis turut mengiktiraf usaha dan kesungguhan Usahawan Bimbingan RISDA yang telah melakukan inovasi terhadap produk mereka. Seramai lima orang usahawan telah menerima Sijil Pengiktirafan Inovasi iaitu :-

- Pn Khairiah binti Khalib (Negeri Sembilan)
– Tungku Seramik
- En Mohd. Sukor bin Abdullah (Kedah)
– Sabun Samak
- Pn Fadilah binti Azmi (Kedah)
– Sulaman Potret
- En. Mohamad bin Zakaria (Pahang)
– Oven Pembakar Lemang yang telah diilhamkan dari Oven Pembakar Produk Seramik
- Pn Noor Asiah binti Sulaiman (Perak)
– Aromatherapi Rose Hijau.

ADAT PERIUK BERKERAK, ADAT LESUNG BERDEDAK

(JIKA INGIN HIDUP MEWAH,
MESTILAH BERUSAHA)

Oleh : Awg ku Izzatul Lizam bin Ag Isa, Pejabat RISDA Bahagian Samarahan, Sarawak
Diedit oleh : Nurulsyuhada binti Ahmad, Bahagian Pembangunan Usahawan

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: DAYANG FARIDAH SERUWATI BINTI ABANG KUSAIRI
NAMA SYARIKAT	: HAZIAH ENTERPRISE
ALAMAT SYARIKAT	: LOT 2439, LORONG 2, KAMPUNG LOT BARU FASA 1, TANJUNG BUNDONG, 94300 KOTA SAMARAHAN, SARAWAK
NO. TEL/FAKS	: 082-661491 / 013-5784121
PENERIMA BANTUAN	: BANTUAN AET RISDA TAHUN 2014
PRODUK	: KUIH POPIA SIMPUL
TAHUN MULA PROJEK	: TAHUN 2007
BILANGAN PEKERJA	: > 20 ORANG
NILAI PENDAPATAN TAHUNAN	: RM 220,000.00
NILAI PENDAPATAN BULANAN	: RM 18,000

Lapan tahun lalu, ibu kepada empat orang anak ini memulakan projek yang dibuat secara kecil-kecilan di rumah dan hanya memperkenalkan produk popia simpulnya kepada kenalan rapat sahaja. Namun lama kelamaan produknya menjadi kegemaran kepada sesiapa yang pernah menempah dengan beliau.

Siapa menyangka popia simpul yang dahulunya hanya ditempah pada musim perayaan, kini mula meniti di bibir penduduk di serata Sarawak dan tempahannya sudah menjelajahi sehingga ke luar negara.

Pemilik Syarikat Haziah Enterprise, Puan Dayang Faridah Seruwati binti Abang Kusairi isteri kepada En Awang Mohamad b Awang Daud seorang pekebun kecil RISDA dibawah seliaan Pejabat RISDA Bahagian Samarahan memulakan perniagaan pada tahun 2007 dengan bermodalkan sebanyak RM 10,000 hasil simpanan beliau.

Meskipun berhadapan dengan pelbagai cabaran seperti ruang kerja yang sempit, tapak perniagaan yang kecil sehingga menyebabkan tempat meletak segala

peralatan serta produk akhir untuk dipasarkan amatlah terhad, kesukaran untuk mendapatkan bahan mentah adalah antara cabaran terbesar yang harus ditempuhi oleh beliau. Adakalanya bekalan mentah lewat diperolehi akibat kekurangan stok dari pembekal. Namun begitu, beliau tidak menjadikan ia sebagai penghalang untuk mencapai kejayaan. Malah, semua itu menjadi pemangkin mendorong beliau untuk terus berusaha tanpa mengenal erti putus asa.

Payah-payah dilambung ombak, tercapai juga tanah tepi. Beliau bertuah kerana mendapat Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan tahun 2014 dan tahun 2015 sebanyak RM 39,220 bagi penambahan ruang kerja bagi memproses popia simpul daripada pihak RISDA banyak membantu beliau dalam memasarkan produknya ke luar kawasan Sarawak. Antaranya pasaran di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan juga menembusi pasaran di Singapura. Kini beliau boleh berbangga dengan hasil pendapatan tahunan yang melebihi RM220,00.00 setahun.

Bak kata pepatah "bersusah-susah dahulu, bersenang-senang kemudian",

berkat kesabaran dan kegigihan beliau disulami dengan doa dan restu daripada suami tercinta serta sokongan daripada anak-anak, kini beliau bolehlah dianggap antara salah seorang usahawan yang berjaya di bawah bimbingan RISDA.

Sebagai anak jati Samarahan, beliau ingin memberi semula kepada masyarakat sekeliling dengan membantu penduduk setempat mendapatkan peluang pekerjaan melalui perniagaan yang dijalankan sekaligus dapat meningkatkan pendapatan ekonomi dan juga meningkatkan taraf hidup mereka.

Kini segala penat jerih beliau selama ini telah berjaya mengubah status kehidupan keluarga ke tahap yang dahulunya hanya sekadar mimpi. Selain bergelar usahawan yang berjaya, pendidikan anak-anak juga tidak dilupakan. Ini terbukti dengan keempat-empat anaknya telah mendapat pendidikan yang sempurna sehingga ke peringkat universiti dan salah seorang daripadanya sedang melanjutkan pengajian di peringkat PHD. Semoga Puan Dayang Faridah Seruwati binti Abang Kusairi akan terus berjaya di dalam perniagaannya sehingga ke peringkat global.

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN : NOR WAHEEDA BINTI HJ. SALLEH
NAMA SYARIKAT : WEEDA RICH ENTERPRISE
ALAMAT SYARIKAT : NO.31, LORONG 30 TAMAN BERTAM INDAH
13200 KEPALA BATAS, KEDAH DARUL AMAN
NO.TEL/FAKS : 019-512 2270 / 014-956 3156
PENERIMA BANTUAN : PENERIMA BANTUAN AET RISDA TAHUN 2014
PRODUK : AISKRIM
TAHUN MULA PROJEK : 2012
BILANGAN PEKERJA : 6 ORANG
NILAI PENDAPATAN TAHUNAN : RM100,000.00
NILAI PENDAPATAN BULANAN : RM 8,333.00

Oleh : Nor Hayati binti Mehat, PRN Pulau Pinang

AISKRIM PENGHILANG DAHAGA, MENJANA PENDAPATAN

DI MANA ADA KEMAHUAN, DI SITU ADA JALAN

Alangkah nikmatnya jika dapat menikmati aiskrim ketika cuaca panas terik. Sudah pasti dapat menyegarkan tekak yang kering. Keenakan aiskrim akan berganda apabila rasa yang sedap ditambah tekstur yang halus, sudah tentunya akan menarik perhatian si comel mahupun golongan dewasa. Kini semua golongan boleh menikmati aiskrim tanpa mengira had umur.

Menyedari hakikat tersebut, Pn Nor Waheeda binti Hj. Saleh, pemilik syarikat

Weeda Rich Enterprise mendapat inspirasi untuk memulakan perniagaan aiskrim memandangkan tidak ramai orang Melayu yang mengusahakan aiskrim secara komersil. Jika tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya. Beliau gigih mengusahakan perniagaan ini walaupun tanpa pendidikan yang tinggi dan dengan berbekalkan modal sebanyak RM10, 000 sahaja.

Bagi penerima bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan Tahun 2014 ini, beliau telah memanfaatkan peruntukan sebanyak RM10,000 yang diberikan oleh pihak RISDA untuk membeli peralatan mesin memproses aiskrim. Jika sewaktu awal perniagaannya beliau membuat aiskrim secara manual, kini beliau telah memproses aiskrim dengan menggunakan mesin yang dibekalkan oleh pihak RISDA dan kerja memproses aiskrim menjadi lebih mudah dan cepat selain kuantiti yang menghasilkan aiskrim menggunakan mesin berbanding secara meningkat.

Memulakan perniagaan secara kecil-kecilan dari rumah, kini beliau telah mengembangkan perniagaannya dengan berpindah ke bengkel IKS. Perusahaan yang dijalankan secara individu dan dibantu oleh suami serta keluarga ini telah mendapat sambutan hangat dari penduduk tempatan. Beliau terus mengorak langkah dalam memasarkan aiskrimnya dengan menyertai pelbagai karnival, majlis perkahwinan dan pelbagai jenis upacara yang kebanyakannya di sekitar Pulau Pinang dan Kuala Lumpur.

Beliau juga telah memperolehi hasil jualan yang memberangsangkan dengan menjana pendapatan sebanyak RM100, 000.00 setahun. Bukan setakat mendapat pendapatan yang lumayan, kini dalam masa 6 bulan sahaja Weeda Rich Enterprise mampu memiliki 12 buah francais di sekitar Pulau Pinang.

Berbekalkan semangat yang waja seperti usahawan yang lain, Puan Nor Waheeda ingin terus maju ke hadapan dan berazam untuk mengembangkan lagi perniagaan beliau sehingga ke serata pelusuk dunia. Beliau juga berharap perniagaan aiskrimnya akan mampu menandingi keluaran yang sedia ada di pasaran.





BATIK *kian* DITELAN ZAMAN

TEKUN MENGHASILKAN BATIK KARYA SENI SENDIRI

BIODATA USAHAWAN

NAMA : ROSAIZA BINTI JUSOH
NAMA SYARIKAT : ROSE SCARF & BUSANA
EMAIL : ross_scarfbusana@yahoo.com
NOMBOR TELEFON : 013-9163557
KELAYAKAN AKADEMIK : DIPLOMA PERAKAUNAN
BIDANG PERUSAHAAN : PEMBUATAN BATIK
TAHUN MULA PERNIAGAAN : 2010
BILANGAN PEKERJA : 3 orang
MODAL PERMULAAN : 40,000.00
NILAI JUALAN TAHUNAN : RM82,800.00
PURATA PENDAPATAN BULANAN : 6,900.00
BANTUAN DARI RISDA : AET 2014 (RM 10,000.00)

Oleh : Muhammad Hazim B Hashim, PRD Pontian

Kehalusan seni tangan dalam pembuatan batik sememangnya jelas terserlah. Apatah lagi jika ianya masih mengekalkan keaslian warisan tradisional, baik dari segi peralatan mahupun corak rekaannya.

Memulakan kerjaya sebagai jurusolek dan jurugambar, Puan Rosaiza mula terfikir untuk menambah pendapatan keluarga melalui perniagaan. Beliau mula mengorak langkah membuat batik dan tudung dengan mengambil tempahan dari rakan taulan serta jiran berdekatan. Walaupun adakalanya penat, Pn. Rosaiza gigih menyiapkan segala tempahan yang diterima. Penat lelah beliau terubat apabila apa yang diusahakan memberi hasil yang lumayan.

Bermula dari situlah, beliau menjadi lebih bersemangat untuk menjadikan pembuatan batik sebagai punca utama pendapatan keluarganya. Ternyata pengorbanannya selama ini tidak sia-sia dan tertubuhnya Rose Scarf dan Busana pada tahun 2011 memberi impak yang besar dalam kehidupannya. Beliau mula mencari peluang bagi memperkenalkan

produknya. Tidak berhenti setakat membuat batik sahaja, beliau terus menambah kepakaran beliau dalam bidang jahitan busana dan blaus.

Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan, Puan Rosaiza mula mengintai peluang bantuan yang ditawarkan oleh agensi-agensinya yang membantu usahawan IKS sepertinya. Melalui seorang kawan, beliau pergi berjumpa dengan pegawai di Jabatan Kraf, MARA, RISDA dan sebagainya bagi mendapatkan bantuan untuk perniagaannya. Tidak pernah putus asa, beliau gigih memasarkan produk batiknya ke merata tempat baik di dalam ataupun luar negeri.

Dalam usaha untuk membuat produk keluarannya sendiri, beliau nekad menghadiri kursus-kursus dan mempelajari tentang pembuatan batik dengan lebih mendalam dalam menghasilkan produk utama beliau iaitu lukisan batik sutera dan pelbagai jenis batik canting. Beliau turut bersyukur di atas keprihatinan pihak RISDA yang telah memberikan bantuan di bawah program Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) pada tahun 2014 dengan bekalan mesin jahit dan pada tahun 2015 (AET naik taraf) dengan bekalan peralatan membuat batik.

Beliau merupakan usahawan yang produktif dan proaktif, kerap mendapat jemputan untuk membuat pameran dan jualan anjuran pelbagai agensi seperti KKLW, Pesona Terengganu, Hari Kraf Kebangsaan, Mini MAHA dan MARA. Penglibatan terbaru beliau adalah menyertai Pesona Terengganu di Johor Bharu pada 18-23 Mac 2016.

Selain dari itu, beliau juga telah memenangi pertandingan RURAL BUSINESS CHALLENGE (RBC) sebagai usahawan muda berjaya. Dengan kejayaan tersebut, beliau telah menerima sumbangan satu unit pembinaan kilang pemrosesan batik yang akan dilaksanakan tidak lama lagi.

Beliau mempunyai impian untuk melihat generasi muda terlibat di dalam kraftangan pembuatan batik ini. Oleh itu, beliau sering memberikan khidmat latihan kemahiran dan kelas interaktif kepada pelbagai agensi, sekolah dan kolej kemahiran. Harapan beliau agar generasi zaman cyber tidak melupakan seni kraf yang tidak ternilai harganya. Atas kegigihan beliau dalam mengangkat seni kraf batik ini, beliau telah menerima penganugerahan dari Kerajaan Negeri Terengganu sebagai Usahawan Muda Berjaya dan menerima "Anugerah Usahawan Muda Bersaing" RISDA.



BIAR PUTIH TULANG JANGAN PUTIH MATA

Oleh Nurul Aini Bt Anwar, Prd Kota Tinggi / Johor Bahru / Kulai

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: R . AZMI BIN BUANG
NAMA SYARIKAT	: MUSHROOM BIOTECH SDN BHD
ALAMAT SYARIKAT	: LOT 3683, LORONG MANGGIS KG SINARAN BARU, 81300 SKUDAI JOHOR.
NO TELEFON	: 013-761 6434
KELULUSAN	: SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
PENERIMA BANTUAN	: RISDA, MARDI, JABATAN PERTANIAN
BIDANG PERUSAHAAN	: JUALAN CENDAWAN SEGAR
TAHUN MULA PROJEK	: 1986
BILANGAN PEKERJA	: 5 ORANG
NILAI JUALAN TAHUNAN	: RM70,000.00
NILAI JUALAN BULANAN	: RM5,800.00

Berbekalkan modal Kursus Perusahaan Cendawan RM1,200.00 yang dibiayai oleh abang kandung dan juga kecekalan En. R. Azmi bin Buang, beliau telah nekad untuk terjun ke dalam dunia keusahawanan bagi menyahut cabaran daripada keluarga setelah beliau menghampakan harapan mereka kerana gagal di dalam Sijil Pelajaran Malaysia.

En. R. Azmi bin Buang anak ke 6 daripada 9 adik beradik kini mampu tersenyum bangga kerana Perusahaan MUSHROOM Biotech Enterprise yang telah diusahakan selama 31 tahun kini menjadi lebih daripada sekadar tempat penghasilan dan juga jualan cendawan. Mengimbuai kembali kehidupan beliau terdahulu, beliau mengakui betapa sukarnya untuk menyakinkan masyarakat tempatan bagi menjadikan cendawan di antara salah satu menu atau masakan harian memandangkan pada awal tahun 1986 pendedahan tentang khasiat tanaman dan juga keenakan rasa cendawan itu tidak diperkenalkan secara meluas di kalangan masyarakat setempat. Mengambil inisiatif tanpa mengharap bantuan daripada mana-mana jabatan, beliau bersama sepupu membawa hasil cendawan tersebut dengan menaiki bas dan teksi untuk dijual di Pasar Tani sekitar Johor Bahru. Selain dari itu, berbekalkan resipi cendawan goreng yang dicipta sendiri ianya sedikit sebanyak telah membuka kepada penerimaan masyarakat dan seterusnya melariskan lagi jualan cendawan tersebut.

Usaha ini juga, telah menarik perhatian salah seorang Pegawai Lapangan RISDA yang berminat untuk membantu bagi memajukan lagi perniagaannya. Setelah diselidik, beliau merupakan anak pekebun kecil Daerah Batu Pahat dan kelebihan ini melayakkan beliau untuk memperolehi Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) RISDA pada tahun 2003 sebanyak RM20,000.00 dimana bantuan tersebut telah dimanfaatkan beliau dengan membeli sebuah Mesin Steamer, sebuah bangunan, dan juga papan tanda. Daripada situ, beliau telah mampu menghasilkan pengeluaran cendawan sebanyak 100 kilogram dan jualan beliau juga pada tahun itu amat memberansangkan. Jabatan Pertanian dan MARDI telah memandang usaha beliau dan mereka turut menghulurkan bantuan kepada En. R. Azmi Bin Buang bagi memperkembangkan lagi perusahaan beliau.

Tanpa pelajaran yang tinggi, beliau kini mampu untuk memperolehi pendapatan sekitar RM70,000.00 setahun dengan hanya menghasil dan menjual cendawan. Walaubagaimanapun, beliau adalah seorang yang tidak pernah memandang ke langit serta mempunyai hasrat murni untuk membantu sesiapa sahaja khususnya Pekebun Kecil RISDA bagi menceburkan diri di dalam bidang penghasilan dan jualan cendawan ini kerana beliau beranggapan ilmu yang ada perlu diberi walaupun sedikit. Beliau juga ada menawarkan khidmat nasihat selama tiga tahun kepada pengusaha yang

berminat bagi memastikan pengusaha tersebut berjaya.

Kesungguhan beliau ini telah membuahkan hasil dan melalui pengiktirafan beberapa anugerah antaranya Anugerah Tokoh Usahawan Pekebun Kecil RISDA Negeri Johor pada Tahun 2012 dan Anugerah Tokoh Kasihi Pekebun Kecil Negeri Johor Tahun 2012. Selain daripada itu, beliau juga pernah memperoleh Anugerah Hari Kualiti Pasar Tani Kebangsaan di Kuala Terengganu pada tahun 1992. Di atas kecemerlangan itu juga, beliau telah dilantik sebagai Pemaju Masyarakat RISDA bermula pada tahun 2007 sehingga kini.

Usaha beliau tidak terhenti di situ. Beliau telah membuka sebuah homestay iaitu rumah tradisional yang dibinanya sendiri bagi membolehkan mana-mana agensi atau jabatan yang berminat untuk datang dan melihat sendiri cara penghasilan cendawan yang diusahakan. Sebagai tambahan, beliau menyediakan pelbagai aktiviti permainan tradisional kampung seperti mencanting batik, permainan congkak dan lain-lain untuk diperkenalkan kepada orang luar khususnya kepada pelancong. Penyediaan makanan cendawan goreng adalah menu wajib kepada tetamu yang hadir dan seiring dengan hasrat memperkenalkan Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan, beliau hanya menggunakan perkataan Cendawan Goreng menggantikan Fried Mushroom. Harapan beliau dengan wujudnya homestay dan juga aktiviti yang disediakan dapat membantu mereka mempelajari budaya dan juga asal usul kita yang tidak akan pernah lupus ditelan zaman.

MAKANAN KEGEMARAN KELUARGA SUMBER PERNIAGAAN

Oleh : Mohd Hamzi Bin Surahmat, PRD Batu Pahat

Sehari selembat benang, lama-lama menjadi kain. Begitulah perumpamaan yang boleh dikaitkan dengan kisah kejayaan usahawan bernama Nur Nazurah binti Muhamad Khairudin ini. Beliau mula melibatkan diri dalam perniagaan pau sejuk beku pada tahun 2011 dengan berbekalkan modal simpanan sendiri sebanyak RM5,000.00 dengan 2 orang pekerja sahaja.

Penubuhan Syarikat Barakah Zurin Enterprise di Batu Pahat Johor bukanlah semudah ABC untuk ditempuh tanpa kesungguhan dan usaha yang



BIODATA USAHAWAN

Nama Usahawan	: Nur Nazurah Binti Muhamad Khairudin
Nama Syarikat	: Syarikat Barakah Zurin Enterprise
Alamat Syarikat	: Kompleks Bimbingan Usahawan, Pagoh, KM 25, Jalan Pagoh, 84000, Muar, Johor
No. Tel/Faks	: 012-767 5672
Penerima Bantuan	: Bantuan AETTahun 2014
Bidang Perusahaan	: Makanan Sejuk Beku
Produk	: Pau Sejuk Beku
Tahun Mula Projek	: 2011
Pendapatan Tahunan	: RM 58,000.00 Setahun
Pendapatan Bulanan	: RM 4,850.00 Sebulan



gigih. Memulakan perniagaan di tempat yang menjadi tumpuan orang ramai seperti di tapak pasar malam sekitar Parit Raja merupakan titik tolak beliau mengorak langkah dalam perniagaan ini. Bijak mencari peluang yang ada, beliau sentiasa memikirkan cara yang terbaik untuk memasarkan produknya.

Selain dari menjadikan rumah sendiri sebagai tempat untuk menjual produk, beliau juga menggunakan kaedah pemasaran secara *online* memandangkan perniagaan melalui internet ini mempunyai banyak cabang yang boleh diteroka dan merupakan medium yang paling murah dan mudah untuk dicapai oleh pelanggan di luar kawasan Johor seperti Melaka dan Kuala Lumpur. Walaupun menghadapi pelbagai cabaran, namun beliau tetap gigih dan terus berusaha untuk memajukan diri dalam bidang ini kerana beliau yakin setiap usaha yang bersungguh-sungguh pasti membuahkan hasil. Beliau juga telah menjadi pembekal

kepada peniaga-peniaga di kawasan sekitar daerah Batu Pahat.

Pada peringkat permulaan, proses pembuatan produk beliau hanya mampu mengeluarkan 500 biji pau sehari, tetapi dengan bantuan yang telah diberi oleh pihak RISDA melalui Program Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) pada tahun 2014 seperti peralatan dan mesin, beliau telah menghasilkan tiga kali ganda kapasiti pengeluaran produk sehari. Di samping itu, penggunaan kos dari segi masa, tenaga dan wang ringgit dapat dikurangkan selain dapat membantu meningkatkan lagi pendapatan dengan menggunakan kos lebihan yang ada untuk membuat pemasaran dan penambahbaikan produk.

Susulan daripada permintaan yang menggalakkan, beliau berhasrat untuk terus menghasilkan produk-produk terbaharu. Kini beliau telah mengeluarkan produk lain seperti produk berasaskan durian iaitu Sos Durian Pedas dan

crepe durian selain produk sejuk beku yang sedia ada bagi mengekalkan reputasi serta keperluan pasaran masa kini. Dengan potensi perniagaan yang semakin berkembang, pendapatan beliau yang hanya RM1,200.00 sebulan kini sudah mencecah RM4,850.00 sebulan. Pendapatan tahunan secara purata berjumlah RM58,000.00 setahun.

Beliau juga telah diberi kepercayaan oleh pihak Jabatan Pertanian untuk menjadi tenaga pengajar pengkhususan dalam produk makanan sejukbeku. Bercita-cita untuk menjadi usahawan wanita generasi muda, beliau tidak lokek ilmu dan sedia berkongsi teknik serta pengalaman bersama dengan usahawan yang terlibat dalam aktiviti perniagaan. Harapan beliau agar dapat melahirkan lebih ramai lagi usahawan muda yang berjaya dalam bidang pengeluaran produk makanan ini. Semoga usahawan ini menjadi contoh dan teladan kepada usahawan-usahawan generasi muda pekebun kecil untuk berjaya.

Bermula dengan modal sendiri sebanyak RM 500 dan tanpa pinjaman beliau telah berusaha keras untuk membeli peralatan serta bahan mentah demi memulakan perniagaan beliau. Segala-galanya beliau usahakan dengan tulang empat kerat beliau baik dari segi pembuatan produk ataupun pemasaran. Sofiyah binti Radzuan merupakan salah seorang anak muda yang sangat optimis dalam peniagaan. Beliau tahu akan risiko dalam perniagaan namun itu tidak menghalang minat beliau dalam seni pembuatan seramik ini. Beliau juga mengumpul duit lebihan biasiswa semasa belajar untuk membeli mesin handthrowing.

Alhamdulillah! Anak Pekebun Kecil RISDA ini telah mendapat bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan pada tahun 2010 dan beliau menambah dengan duit poket sendiri dengan pembelian peralatan yang lain untuk membesarkan lagi perniagaannya. Pada awalnya, perniagaannya agak perlahan dan hanya dipasarkan di pasaran tempatan serta hantaran kenduri kahwin di kawasan berdekatan sahaja. Menyedari internet merupakan medium yang paling pantas dalam memperluaskan perniagaan, beliau mula memasarkan seramik secara online dan ternyata kaedah melalui internet ini mendapat sambutan yang menggalakkan.

Kini, beliau mampu menghantar produk hasil tangan beliau bukan setakat pasaran Kedah sahaja malah ke serata negeri seperti Selangor dan Johor. Hasil daripada itu, secara tidak langsung ini telah meningkatkan pendapatan beliau. Pendapatan beliau akan melebihi RM5,000 dan ke atas sekiranya pada musim-musim tertentu seperti perkahwinan dan lain-lain. Permintaan yang tinggi terhadap produk yang beliau hasilkan adalah kerana keunikan dan kreativiti dalam mengolah corak serta motif seramik tersebut. Hasil seramik beliau adalah berkonsepkan moden dan kontemporari serta tradisional.



SABAR PENGHILANG PENAT, TEKUN PEMBAWA BERKAT

Oleh : Angelinda A/P Neelas, PRN Kedah



Selain daripada itu, salah satu keunikan pada hasil kreativiti beliau adalah dengan sentuhan kaligrafi di atas produk seramik yang beliau hasilkan. Untuk perancangan masa depan, beliau ingin meluaskan perniagaannya ke luar negara, serta memiliki suatu galeri idaman dan menamakannya Sofea Seramik. Di samping itu, beliau berhasrat untuk menyampaikan ilmu yang diperolehi kepada golongan belia dan kepada mereka yang berminat dengan membuka kelas kemahiran seramik khas untuk generasi muda agar pembuatan seni kraf seramik ini tidak lenyap ditelan arus kemodenan.

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: SOFIYYAH BT. RADZUAN
NAMA SYARIKAT	: SOFEA SERAMIK
ALAMAT SYARIKAT	: KG. PADANG HALBAN, 06010 CHANGLUN KEDAH
NO. TEL/FAKS	: 017-517 2187
PENERIMA BANTUAN	: BANTUAN AET TAHUN 2010
BIDANG PERUSAHAAN	: KRAFTANGAN
PRODUK	: SERAMIK
TAHUN MULA PROJEK	: OKTOBER 2010
PENDAPATAN TAHUNAN	: RM50, 000.00
PENDAPATAN BULANAN	: RM 4,000.00



Imbasan Aktiviti Usahawan

- 1** TIBA... Yang Berhormat Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob Menteri Kemajuan Luar Bandar & Wilayah diiringi oleh Datuk Zahidi Zainul Abidin Pengerusi RISDA serta Dato' Haji Mohamat Bin Muda Ketua Pengarah RISDA masuk ke dewan bagi merasmikan Perhimpunan Usahawan Pekebun Kecil Nasional 2015.
- 2** Dato' Sri Ismail Sabri Bin Yaakob menyerahkan mock-cheaque RM 40,000,000.00 bagi Program Aktiviti Ekonomi Tambahan & Pembangunan Usahawan RISDA 2016 kepada Dato' Haji Mohamat Bin Muda Ketua Pengarah RISDA.
- 3** Para pemenang anugerah dan peserta bergambar kenangan bersama-sama YB Menteri, KSU KKLW, Pengerusi RISDA dan juga Ketua Pengarah RISDA sebaik saja tamat sesi penyerahan Anugerah.
- 4** Barisan usahawan Bimbingan RISDA yang terpilih menyertai Program Usahawan RisSmart dan Program Vendor RISDA iaitu seramai 61 orang fokus mendengar ucapan YB Menteri.
- 5** FOKUS... Para usahawan mendengar ucapan perasmian Perhimpunan Usahawan Pekebun Kecil Nasional 2015 yang disampaikan oleh YB Menteri.
- 6** Pemenang Anugerah Usahawan Gemilang Seri Menteri, Encik Mat Sah Bin Abd Rahman usahawan Bimbingan RISDA dari Negeri Melaka dengan kebun integrasi yang berjaya menghasilkan pendapatan sebanyak RM 48,000.00 sebulan.
- 7** Pemenang Anugerah Usahawan Muda, Cik Putri Amira Binti Mohd. Jasmitan Usahawan Bimbingan RISDA dari Negeri Selangor dengan pendapatan RM 6,200.00 sebulan.
- 8** Pemenang Anugerah Usahawan Jaya bagi kategori Lelaki, Encik Mohd Fadhil Bin Ibrahim usahawan Bimbingan RISDA dari Negeri Pulau Pinang dengan pendapatan RM 8,000.00 sebulan.
- 9** Pemenang Anugerah Usahawan Jaya bagi kategori Wanita, Puan Noraini Binti Mohd Noor usahawan Bimbingan RISDA dari Negeri Terengganu dengan pendapatan sebulan RM 41,500.00.
- 10** Pemenang Perdana Usahawan, Puan Nur Rahayu Binti Mohamed Usahawan Bimbingan RISDA dari Negeri Selangor dengan pendapatan RM 112,000.00 sebulan.
- 11** Pemenang Anugerah Inovasi Puan Khairiah Binti Khalib Usahawan Bimbingan RISDA dari Negeri Sembilan dengan inovasi beliau Tungku Seramik.
- 12** Pemenang Anugerah Inovasi Encik Mohd. Sukor Bin Abdullah Usahawan Bimbingan RISDA dari Negeri Kedah dengan inovasi beliau Sabun Samak.
- 13** Pemenang Anugerah Inovasi Encik Mohamad Bin Zakaria Usahawan Bimbingan RISDA dari Negeri Pahang dengan inovasi beliau Oven Pembakar Lemang.
- 14** Pemenang Anugerah Inovasi Puan Fadilah Binti Azmi Usahawan Bimbingan RISDA dari Negeri Kedah dengan inovasi beliau Sulaman Potret.
- 15** Pemenang Anugerah Inovasi Puan Nor Asiah Binti Sulaiman Usahawan Bimbingan RISDA dari Negeri Perak dengan inovasi beliau Aromaterapi Ros Hijau.



2



3



4



5



1



6



7



9



8



10



12



11



13



14



15

YANG BULAT TAKKAN DATANG BERGOLEK, YANG PIPIH TAK KAN DATANG MELAYANG

Oleh : Norlida bt Saidin, Pejabat RISDA Daerah Sik

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN : MAZNAH BINTI LATIF
NAMA SYARIKAT : KAKNAH BERJAYA ENTERPRISE
ALAMAT SYARIKAT : NO 33 KG. KEDA KOTA AUR, BELANTIK,
08200 SIK KEDAH
NO TELEFON/ FAX : 019-541 5614
FACEBOOK : MAZNAH LATIF
KELULUSAN / BIDANG : SIJIL PELAJARAN MALAYSIA (SPM)
PENERIMA BANTUAN RISDA : BANTUAN AET TAHUN 2004
BIDANG PERUSAHAAN : PEMROSESAN PEMAKANAN IKAN /
DAGING / AYAM PEKASAM
TAHUN MULA PERNIAGAAN : 2007
BILANGAN PEKERJA : 5
NILAI JUALAN TAHUNAN : RM 66,000.00 SETAHUN
NILAI JUALAN BULANAN : RM 5,500.00 SEBULAN.



Kak Nah Berjaya Enterprise merupakan syarikat 100% milik Bumiputera yang diusahakan oleh Puan Maznah binti Lateh sejak dari tahun 2007 dengan produk utamanya adalah pemprosesan makanan khusus kepada ikan pekasam, ayam pekasam dan daging pekasam.

Menyebut tentang produk makanan pekasam mungkin ianya agak asing bagi kebanyakan orang yang belum pernah mencubanya namun produk pekasam merupakan sejenis makanan peram tradisi yang tahan lama dan terkenal di Malaysia. Pekasam amat popular di negeri-negeri utara dan pantai timur Semenanjung Malaysia.

Ikan yang sedap untuk dibuat pekasam biasanya ikan sawah seperti ikan sepat, haruan, keli dan puyu manakala ikan air tawar lain yang biasa dibuat pekasam

adalah seperti ikan terubuk, lampan jawa, merah mata, temperas, mengkawan, ketutu, kepar, kalui, loma, toman, tilapia dan belida. Selain daripada pekasam ikan terdapat juga pekasam diperbuat daripada ayam, daging, dan udang di mana ianya merupakan cetusan idea-idea inovasi di dalam penghasilan pekasam.

Penghasilan produk pekasam yang diusahakan secara gigih oleh Puan Maznah bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilakukan namun dengan semangat yang berkobar-kobar dan ingin berjaya di dalam perniagaannya telah membuahkan hasil pada akhirnya. Awal pembabitannya di dalam bidang perniagaan dilakukan secara kecil-kecilan. Puan Maznah ataupun lebih dikenali sebagai Kak Nah telah menjual produk pekasamnya kepada penduduk di sekitar kampung namun tidak memberi pulangan yang tinggi.

Puan Maznah telah membuat permohonan bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) di Pejabat RISDA Daerah Sik. Dengan bantuan dari segi barangan keperluan asas seperti penimbang, peti ais beku dan sealer oleh RISDA serta banyak menghadiri kursus-kursus yang dianjurkan oleh pihak RISDA, perniagaan Puan Maznah mula berkembang dan beliau mula mempromosi dan menjual

produk pekasam beliau secara *online* dan hasilnya produk beliau dikenali ramai serta permintaan terhadap produk pekasam semakin meningkat di seluruh negeri Kedah.

Tidak dinafikan Puan Maznah telah menghadapi pelbagai cabaran di dalam perniagaannya dek kerana mempunyai modal yang terhad dan kos pemasaran yang tinggi di dalam membangunkan perniagaan, namun dengan kecekalan dan azam sepanjang 6 tahun telah membuahkan hasil yang sangat lumayan. Perniagaan Puan Maznah kini sudah mula mendapat tempat di hati pengemar produk pekasam dan sering mendapat jemputan untuk menghadiri karnival-karnival usahawan antaranya ialah *Feast of Malaysia* bertempat di Putrajaya International Convention Centre (PICC), Karnival Hari Peladang, Penternak & Nelayan Peringkat Negeri Kedah 2014, penyertaan usahawan dalam Kluster IAT-Bazar @ MAHA 2014 di Malaysia Agro Exposition Pak Serdang (MAEPS) dan kursus Pemantapan Penjenamaan Produk dan Sesi Photo Shoot Produk/ Imej Korporat Usahawan Siri 3/2014.

Setelah apa yang dikecapi pada hari ini, Puan Maznah tidak mahu berada dalam zon selesa. Beliau berazam untuk menjadikan perniagaan Kak Nah Enterprise dikenali di dalam dan luar negara. Semoga perniagaan Puan Maznah sentiasa sukses dan sentiasa menjadi minat orang ramai.





MENYAUK AIR MANDIKAN DIRI

Oleh : Mohd Firdaus Bin Fauzani, PRD Kulim/Bandar Baharu

BIODATA USAHAWAN

NAMA : MOHD ZULKIFLE BIN AZMI
 NAMA SYARIKAT : ZUL'S ORIGINAL RECIPE
 ALAMAT SYARIKAT : NO. 87, LORONG KENANGA 2C,
 TAMAN DESA IMPIAN, 9000, KULIM, KEDAH
 NO. TEL : 019-541 9961
 KELAYAKAN AKADEMIK : DIPLOMA AKAUNTANSI
 BIDANG PERUSAHAAN : MAKANAN
 TAHUN MULA PERNIAGAAN : TAHUN 2010
 BIL. PEKERJA : 4 ORANG
 PENERIMA BANTUAN : BANTUAN AET TAHUN 2014
 PENDAPATAN TAHUNAN : RM60,000.00
 PENDAPATAN BULANAN : RM 5,000.00

Asal ditugal, adalah benih. Begitulah yang boleh digambarkan tentang usaha seorang pemuda yang semakin dikenali ramai ini. Bermula dengan membantu abang beliau berniaga kebab di pasar malam, Mohd Zulkifle bin Azmi, 30 tahun, mula menanam cita-cita untuk menjadi seorang usahawan yang berjaya. Sekarang, siapa sangka minat serta pengalaman yang diperolehi itu mampu menjana pendapatan bersih beliau sebanyak RM5,000 sebulan. Baginya tak ada gunung yang tinggi yang tak dapat didaki, tak ada lurah yang dalam yang tak dapat dituruni.

Bermula dari gerai di hadapan rumah, kini jenama Zul's Kebab menjadi salah satu jenama yang mula mendapat tempat di hati penggemar kebab dan roti john. Beliau yang mula terlibat dalam dunia perniagaan sejak berumur 15 tahun juga memberitahu, jenama Zul's Kebab menawarkan harga roti kebab dan roti john pada kadar yang amat berpatutan iaitu RM2.50 sebiji untuk dinikmati oleh para pelanggan. Ujarnya lagi, rasa daging kebab dan roti john yang premium membuatkan ramai pelanggan yang menjadi pelanggan tetap beliau.

Tambahnya lagi, daging tersebut diproses dengan menggunakan resepi tersendiri yang kini dijenamakan di bawah syarikat pemprosesan daging Al-Huda.

Katanya, dek kesukaran untuk mendapatkan pekerjaan pada waktu itu membuatkan beliau semakin berazam untuk menceburi bidang keusahawanan ini. Manakan dapat sugu jika tidak dipecahkan ruyungnya. Bermula secara kecil-kecilan, beliau mula mengumpul modal untuk meluaskan perniagaan beliau. Berbekalkan dengan modal sebanyak RM15,000, bekas graduan Diploma Akauntansi ini akhirnya membuka sebuah syarikat yang diberi nama Zul's Original Recipe untuk melebarkan sayap perniagaannya. Sehingga kini, beliau mempunyai 5 cawangan (ala franchise) di sekitar Kulim, Parit Buntar dan Seberang Perai Selatan. Hasil bimbingan dan juga bantuan dari pihak RISDA, usaha tekun beliau ibarat sambang penuh jala terletak, laut kering ikan mengempas. Kini beliau pula membuka peluang serta tunjuk ajar kepada golongan belia untuk menceburi bidang perniagaan dengan menawarkan pakej perniagaan ala franchise untuk diusahakan.

Harapan beliau agar dapat mempelbagaikan makanan sejuk beku keluaran produk halal muslim dan memperluaskan lagi pasaran yang sedia ada bagi menjana ekonomi setempat sekaligus mengharumkan nama Malaysia ke peringkat antarabangsa.



PERNIAGAAN TRADISI DIBERI NAFAS BARU

Oleh : Norzabarol Zainol b Idris, PRN Pulau Pinang

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN : SYARIFAH MURNI BINTI KASIM @ MUSA
 NAMA SYARIKAT : PERNIAGAAN FAJAR MENYINSING
 ALAMAT SYKT : NO. 2058 JALAN BESAR, 14300 NIBONG
 TEBAL, SEBERANG PERAI SELATAN.
 NO TEL : 045930364/ 0124366270
 FACEBOOK PAGE : KOPI FAJAR MENYINSING
 KELULUSAN/ BIDANG : DIPLOMA KEJURUTERAAN AWAM
 PENERIMA BANTUAN RISDA: AET
 BIDANG PERUSAHAAN : PENGELUAR SERBUK KOPI
 TAHUN MULA BERNIAGA : 2010
 BILANGAN PEKERJA : 5 ORANG PEKERJA
 NILAI JUALAN TAHUNAN : RM 240,000.00
 NILAI JUALAN BULANAN : RM 20,000.00

Inspirasi tercetus setelah melihat kejatuhan perniagaan yang diusahakan oleh datuknya sendiri, Syarifah Murni bt Kasim @ Musa seorang usahawan muda yang baru berusia 32 tahun mengambil inisiatif untuk membangunkan kembali Kopi Fajar Menyinsing.

Bermula dari tahun 2011, Syarifah Murni mengambil langkah berani dengan meletak jawatan sebagai Audit Geran Tanah di Pejabat Daerah Tanah Seberang Perai Tengah. Beliau cuba memperkenalkan kembali Kopi Fajar Menyinsing, mengorak langkah pertama dengan memberi minuman kopi secara percuma kepada pelanggan di stesen-stesen minyak seperti Petronas, Shell dan sebagainya

Reputasi perniagaan Fajar Menyinsing kembali mendapat perhatian masyarakat setelah berdaftar dengan RISDA Negeri Pulau Pinang sebagai ahli Kelab Usahawan RISDA (RISEC). Dengan pelbagai khidmat nasihat dan bantuan berupa mesin dan peralatan untuk pemprosesan kopi, beliau tidak lagi menoleh kebelakang dengan penghasilan terbaru iaitu Fajar Menyinsing White Coffee. Usaha dan titik peluhnya berbaloi apabila produk-produk keluarannya telah dinobatkan sebagai kopi putih terbaik dan kopi 'o' kedua terbaik di Agro Fest Seberang Jaya, Pulau Pinang

Bermula dengan pengetahuan yang sangat minima dalam bidang keusahawanan, beliau telah menjadi usahawan muda yang berjaya dengan

pendapatan mencecah antara RM48,000 ke RM50,000 sebulan. Berbekalkan komitmen tinggi dan semangat yang tidak pernah putus asa yang ditunjukkan sepanjang usaha membangunkan kembali perniagaan warisan datuknya, diharap beliau akan lebih berjaya di masa akan datang dan menjadi contoh kepada usahawan muda yang lain.





IBU TUNGGAL BANGGA MAMPU JANA PENDAPATAN TINGGI SETIAP BULAN

Oleh : Mohamad Nur bin Abd Hamid , Pejabat RISDA Daerah Setiu

BERKATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: RAMLAH BINTI ALI
NAMA SYARIKAT	: RA & FAMILY LANGKAP ENTERPRISE
ALAMAT SYARIKAT	: NO.140, JALAN CEMPAKA PUTIH, KAMPUNG LANGKAP 21500 TERENGGANU
NO TELEFON / FAKS	: 013-9592793
KELULUSAN / BIDANG	: DARJAH 6
PENERIMA BANTUAN RISDA	: AET 2013
BIDANG PERUSAHAAN	: MEMPROSES SOS DAN KICAP
TAHUN MULA PERNIAGAAN	: 2012
BILANGAN PEKERJA	: 5 ORANG
NILAI JUALAN TAHUNAN	: RM 183,600.00
NILAI JUALAN BULANAN	: RM 15,300.00

Berkat kegigihan seorang ibu tunggal yang mempunyai lima orang anak di Kampung Langkap yang menjalankan perusahaan memproses sos membolehkan beliau menjana pendapatan kasar RM13,000 sebulan.

Ramlah Ali, 56, kini tersenyum puas apabila perniagaan secara kecil-kecilan yang diusahakannya sejak tiga tahun lalu bersebelahan rumahnya berjaya mengeluarkan tujuh jenis produk seperti sos pencicah (cili kering), sos pencicah (cili segar), sos cili, sos tomato, sos rojak, kicap pekat manis dan cuka.

Sebelum memulakan perniagaan secara sendiri, beliau menyertai Perkumpulan Wanita Pekebum Kecil RISDA yang bertujuan untuk memajukan Institusi wanita pekebum kecil yang rata-ratanya terlibat dengan perniagaan industri kecil khususnya diluar bandar selama 10 tahun.

Pada tahun 2011, beliau mengambil keputusan mengusahakan sendiri dengan modal permulaan sebanyak RM20,000 melalui pinjaman Amanah Ikhtiar. Pihak RISDA juga memberikan bantuan melalui program bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan, bimbingan dan khidmat nasihat.

Menurut beliau, ketika baru memulakan perniagaan, pasarannya hanya tertumpu di sekitar daerah Setiu. Kini perniagaan beliau telah berkembang maju hingga dapat meluaskan pasaran ke seluruh negeri Terengganu dan pada masa yang sama beliau sedang cuba memasuki pasaran negeri Pahang.

Setiap hari, hampir 1,000 botol produk pelbagai jenis dikeluarkan. Kerja pengedaran dan pemasaran ini dilakukan sendiri.

Beliau amat bersyukur kerana perusahaan yang dijalankan itu mampu

bertahan dan memberi pulangan yang memuaskan sekaligus membolehkan beliau menambah empat orang pekerja bagi membantu beliau dalam mentadbir urusan perniagaan

Beliau yang menggunakan jenama Seri Langkap ini menjual produk dari harga bermula serendah RM 5 hingga RM 30 sedosen bergantung kepada jenis produk. Produk beliau kini berjaya memasuki pasaran seperti Pasaraya Sabasun selain dari kedai-kedai runcit. Beliau berharap dapat memperluaskan lagi pasaran produknya ke seluruh negara sekaligus dapat menjana pendapatan kasar antara RM20,000 hingga RM30,000 sebulan.

Bagi perancangan masa depan, beliau bercadang untuk mengeluarkan dua produk baru iaitu sos tiram dan kicap masin. Beliau mengucapkan rasa syukur ke hadrat Illahi kerana perniagaan beliau dapat berkembang dan mendapat sambutan sekaligus dapat membuka peluang pekerjaan kepada penduduk disini.



JAHITAN, SUMBER PENDAPATAN LUMAYAN

Oleh : Mohd Firdaus Bin Fauzani, PRD Kulim/Bandar Baharu



BIODATA USAHAWAN

NAMA : ASIAH BT MASTOR
NAMA SYARIKAT : ASRAM BERKAT ENTERPRISE,
ALAMAT SYARIKAT : NO 1, JALAN KUALA KENDERONG,
TAPAK PASAR MALAM, TAMAN MEHAR,
33300 GERIK, PERAK.
NO TELEFON : 013-432 9517.
PRODUK : JAHITAN PAKAIAN LELAKI DAN WANITA,
JAHITAN MANIK, AHITAN, PAKAIAN UMRAH/
HAJI, JAHITAN LANGSIR, JAHITAN TUDUNG
DAN JAHITAN PAKAIAN BERUNIFORM.
TAHUN MULA PERNIAGAAN : 1981.
BIL PEKERJA : 3 ORANG.
PENERIMA BANTUAN : BANTUAN AET TAHUN 2014
PENDAPATAN TAHUNAN : RM 67,200
PENDAPATAN BULANAN : RM 5,600

Minat yang tidak pernah luntur dalam bidang jahitan membangkitkan semangat Puan Asiah bt Mastor yang kini menetap di Kampung Padang, Gerik untuk mengikuti kelas jahitan yang dianjurkan oleh pelbagai agensi dalam menambahkan ilmu pengetahuan.

Beliau yang berusia 48 tahun lebih dikenali dengan panggilan Kak Yang, ibu kepada 9 orang cahayamata tekad menanam sikap ingin berjaya dan sentiasa berusaha keras semenjak mula perniagaan iaitu pada tahun 1984 sehingga sekarang. Kesedaran beliau akan tanggungjawab dalam membantu suami untuk menambah pendapatan keluarga berjaya mengubah halatuju anak – anak dalam pelajaran. Kini dengan berbekalkan hasil usaha beliau dan pulangan pendapatan yang diperolehi dalam bidang jahitan berjaya membantu anak – anaknya melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat tertinggi.

Mengimbu kembali pada awal perniagaannya, beliau menimba pengalaman dengan bekerja di kedai jahitan New Tide di pekan Gerik selama 3 tahun. Setelah menimba pengetahuan dan

berjaya meningkatkan tahap kemahiran, beliau memberanikan diri untuk mencuba sendiri mengambil tempahan jahitan secara kecil-kecilan di rumah.

Oleh kerana minatnya yang mendalam terhadap bidang jahitan, beliau bercita-cita ingin terus maju dalam bidang jahitan. Bermula dengan menjual dan mengambil tempahan di kalangan ahli keluarga dan rakan – rakan terdekat beliau berjaya memikat pelanggan luar untuk terus setia dengannya.

Berkat kesungguhan dan rezeki yang dipermudahkan oleh Yang Maha Esa, beliau telah menerima bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET) dari pihak RISDA berjumlah RM 10,000 pada bulan April 2014. Dengan bantuan yang diterima ini membuatkan beliau lebih dikenali ramai dan membuatkan perniagaan beliau huru hara dek kerana tempahan yang banyak terutamanya musim perayaan.

Oleh kerana tempahan yang semakin bertambah menyuntik semangat beliau untuk membuka sebuah kedai berhampiran pekan Gerik untuk dijadikan bengkel jahitan. Kini beliau menerima tempahan langsir, pakaian sekolah,



pakaian seragam jururawat, jubah, baju melayu, baju kurung, tudung dan lain-lain lagi.

Menjahit juga merupakan salah satu sumber pendapatan yang lumayan, jikalau kita berusaha bersungguh-sungguh ingin berjaya. Itulah kata-kata hikmah yang dipegang untuk lebih berusaha untuk berjaya.

Kak Yang memang tidak pernah jemu untuk menimba ilmu dengan menghadiri kursus yang dianjurkan oleh RISDA dan agensi lain. Berkat minat yang mendalam dalam bidang jahitan, beliau telah berjaya menambahkan pendapatan keluarga.

Beliau mengungkapkan kata-kata syukur dengan bantuan yang di salurkan agensi berjaya menempatkan nama beliau terpahat di kalangan pelanggan.

“DI MANA ADA KEMAHUAN DI SITU ADA JALAN”

Oleh : Noorhimah Alias,
PRD Kuala Kangsar

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN : MOHD HAYAT BIN MOHD KHAIRUDIN
NAMA & ALAMAT SYARIKAT : HAYAT CREATIF CRAFT
NO.48, KG. SETIA, 33600 ENGGOR
KUALA KANGSAR PERAK
NO. TELEFON : 016-4301455
EMAIL : hayatcreativecraft@gmail.com
PENERIMA BANTUAN RISDA: PENERIMA BANTUAN AET
PROJEK KRAF SERAMIK 2014
BIDANG PERUSAHAAN : KRAFTANGAN
PRODUK : SERAMIK
TAHUN MULA PROJEK : 2008
BILANGAN PEKERJA : 4 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN : RM 120,000.00
PENDAPATAN BULANAN : RM 10,000.00

Berpegang kepada pepatah “Di Mana Ada Kemahuan Di Situ Ada Jalan” usahawan muda yang berumur 30 tahun dan berasal dari Kampung Setia, Enggor, Kuala Kangsar, Perak merupakan graduan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Utara Malaysia (UUM Sintok, Kedah) bertekad untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai sumber rezeki.

Perusahaan Kraftangan Seramik ini merupakan perusahaan turun temurun yang diwarisi dari ibu bapa beliau. Pada mulanya iaitu kira-kira 26 tahun yang lalu, ia diusahakan secara kecil - kecilan yang mana operasi hanya dilakukan di bawah rumah kayu 2 tingkat yang agak tua dan sempit. Seterusnya disebabkan mendapat sambutan yang menggalakkan daripada pelanggan, mereka telah berjaya mendirikan sebuah bangsal kecil.

Setelah tamat pengajiannya dan memperoleh segulung ijazah, beliau telah mengambil keputusan untuk menyambung projek kraftangan seramik yang dipelopori oleh ibu bapanya disebabkan minat yang begitu mendalam. Tambahan pula, ia bukanlah sesuatu yang asing dan bidang ini telah sehati dengan dirinya sejak kecil lagi kerana pernah membantu ibu bapanya dalam kerja-kerja kraftangan seramik ini.

Beliau meneruskan projek ini pada tahun 2008 dengan membesarkan bengkel dan menambah sedikit peralatan bermodalkan RM 800.00. Disamping pengalaman

yang diperolehi dari ibu bapanya, bagi menambah ilmu beliau juga telah mengikuti kursus kraftangan seramik ini daripada Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia dan lain-lain kursus anjuran pihak RISDA.

Antara produk yang dihasilkan adalah pasu hiasan, aneka jenis labu, lampu hiasan, cenderahati perkahwinan seperti tepak sireh, bekas telur serta menjual acuan untuk membuat barangan seramik dan sebagainya.

Produk-produk ini dipasarkan dengan cara menerima tempahan daripada penduduk tempatan khususnya, malahan turut juga menerima tempahan dari pelanggan-pelanggan di seluruh Malaysia amnya. Di samping itu beliau juga tidak ketinggalan turut serta secara aktif dalam ekspo dan karnival di seluruh Malaysia seperti di Kelantan, Johor dan sekitar Lembah Klang.

Selain daripada itu beliau juga sering mengambil bahagian dalam pameran dan jualan di Pusat Kraf, Jalan Conlay, Kuala Lumpur sebanyak 5 hingga 6 kali dalam setahun. Antara kejayaan yang patut dibanggakan ialah pernah menyertai Pameran Kraftangan di Singapura dan Jepun.

Pada tahun 2014, pihak RISDA telah menyalurkan bantuan sebanyak RM 10,000.00 berupa peralatan melalui Program

Aktiviti Ekonomi Tambahan. Dengan adanya bantuan seperti ini dapat memberi suntikan baru kepada beliau untuk meningkatkan pengeluaran dan melebarkan lagi skop perniagaannya agar lebih berdaya maju dan berdaya saing.

Segala usaha dan pengorbanan beliau selama ini tidak sia-sia dan telah menjadi kenyataan, seterusnya beliau mampu tersenyum lebar kerana berjaya meraih pendapatan sebanyak RM4500.00 hingga RM6000.00 sebulan berbanding sebelum mendapat bantuan dari pihak RISDA yang mana hanya mampu memperoleh pendapatan sebanyak RM1000.00 hingga RM1200.00 sebulan. Secara tidak langsung beliau telah berjaya memperoleh pendapatan melebihi sasaran dan melangkaui objektif RISDA RM2500.00/bulan/keluarga menjelang akhir tahun 2015.

KUASAI ILMU, HADAPI CABARAN

Oleh: Sairul Ambri bin Salim, PRD Manjung

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN : SALAMIAH BINTI AYOB
NAMA SYARIKAT : METRO FRAME & CRAFT
ALAMAT SYARIKAT : NO.7, TAMAN SEJATI, SITIAWAN, PERAK
NO TEL / FAKS : 013-4056 926
PENERIMA BANTUAN : BANTUAN AET RISDA TAHUN 2016
TAHUN MULA PROJEK : 1999
BIL. PEKERJA : 1 ORANG
PENDAPATAN TAHUNAN : RM 72,000/TAHUN
PENDAPATAN BULANAN : RM 6000/ BULAN

Rumahtangga yang bahagia bermula dari kesepakatan dan wujud kerjasama tidak berbelah bahagi suami isteri dalam mengharungi kehidupan. Itulah yang terjadi pada pasangan Pn. Salamiah binti Ayob dan suaminya En Hasris bin Hussin yang mengusahakan projek membuat frame dan cenderahati. Masa terluang digunakan secara berfaedah dengan mempelajari serta menimba ilmu di dalam dan di luar negara untuk menguasai projek membuat frame dan cenderahati yang telah diceburi hampir 16 tahun.

Hasilnya, pasangan ini boleh berbangga di mana pendapatannya kini mencecah hampir RM6,000.00 sebulan. Projek ini dijalankan di alamat No.7, Taman Sejati, Sitiawan, Perak sejak tahun 2003. Beliau adalah ahli Kelab Usahawan RISDA Daerah Manjung sejak tahun 2013 dan menerusi Kelab Usahawan RISDA, Puan Salamiah sentiasa mendapat bimbingan dan

tunjuk ajar daripada Puan Zamiza binti Md Ali selaku Pegawai Pertanian daripada Pejabat RISDA Stesen Sitiawan. Bagi memastikan kelangsungan projek ini, beliau memperolehi bahan mentah dari pembekal dalam dan juga luar negara. Maka, kemungkinan untuk bekalan bahan mentah terputus adalah mustahil. Mutu kerja bagi penghasilan produk juga jadi keutamaan dan sebab itulah dari hari ke hari, pelanggan yang membuat tempahan semakin ramai.

Pada tahun 2016, beliau telah menerima bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan RISDA sebanyak RM 20,000 dalam bentuk peralatan mesin *angle sewer*, mesin *picture frame pinner* dan *mounting paper board*. Dengan bantuan yang diberikan oleh RISDA akan dimanfaatkan sepenuhnya dan berharap dapat meningkatkan pendapatan beliau.

Memandangkan Manjung merupakan bandar pelancongan, projek yang diusahakan ini di ibarat seperti "Bulan Jatuh Ke Riba" menerusi pelancongan dalam dan luar negara yang sentiasa membeli dan membuat tempahan cenderahati untuk dibawa sebagai buah tangan untuk dibawa pulang ke tempat masing-masing. Di samping itu, agensi kerajaan dan sekolah di sekitar daerah Manjung juga menyokong perniagaan beliau dengan membeli dan menempah produk beliau sebagai cenderahati.



REZEKI TAKKAN DATANG BERGOLEK

Oleh: Noraini bt. Hj.Adnan, PRD Batang Padang / Hilir Perak

“Rezeki tidak akan datang bergolek”..... “Kalau tidak dipecahkan ruyong..... manakan dapat sagunya”..... Begitulah perumpamaan kisah usahawan pekebun kecil daripada kawasan Pejabat RISDA Daerah Batang Padang, Hilir Perak .

Berkat kegigihan pasangan sehati sejiwa ini, Puan Azmah binti Haji Sofar 48 tahun dan pasangannya Encik Khairul Idris bin Hj. Ismail 50 tahun, mereka kini boleh tersenyum lebar dengan hasil usaha 18 tahun yang lalu mampu meraih pendapatan RM 4,000.00 purata sebulan yang pada peringkat awal hanya dengan mengeluarkan produk Putu Perak disusuli dengan Dodol, Tepung Putu dan terkini Lemang Meletop. Dengan hasil usaha ini juga pengusaha mampu menyara dua anaknya yang kini sedang menuntut di universiti tempatan.

Dengan jenama IDDRIS Dodol Makanan Tradisional Malaysia, produk ini mendapat sambutan hangat di setiap lokasi jualan pasar pagi, pasar malam dan pasar sehari di sekitar Daerah Batang Padang dan Hilir Perak. Selain itu juga, beliau ada menerima tempahan dari masa ke semasa daripada jabatan - jabatan Kerajaan, orang perseorangan sama ada pelanggan setempat mahu pun

luar kawasan yang berpuas hati dengan produk keluaran beliau terutamanya dari segi rasa, harga yang berpatutan dan sikap mesra pelanggan yang diamalkan oleh pasangan ini.

Menerusi bantuan RISDA melalui program Aktiviti Ekonomi Tambahan tahun 2005 dengan nilai bantuan sebanyak RM 10,000.00 membolehkan pengusaha ini membeli barangan peralatan seperti mesin pengacau dodol, mesin pengisar tepung, pengukus bertempah, dapur, tong gas dan penambahbaikkan bangunan bengkel 14' x 12' x 9' yang dapat meningkatkan pengeluaran dan memudahkan pengurusan pengeluaran.

Pada tahun 2014, beliau sekali lagi telah memperolehi bantuan perlabelan dengan nilai RM 10,000.00 dari pihak RISDA bagi menambah baik hasil produk keluarannya.

Harapan beliau agar beliau di luar sana berkecimpung dalam bidang keusahawanan kerana walaupun dunia keusahawanan ini perlu melalui duri ranjau sebelum berjaya, namun itulah pengalaman kehidupan paling berharga bagi seorang usahawan untuk berjaya.



BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN	: AZMAH BINTI SOFAR
NAMA SYARIKAT	: IDRIS DODOL ENTERPRISE
ALAMAT SYARIKAT	: 41 KG. HJ. DAHLAN, MAMBANG DIAWAN, 31590 PERAK
NO TELEFON / FAKS	: 019 4609281 / 019 4623440
KELULUSAN / BIDANG	: MAKANAN BERPROSES DODOL
PENERIMA BANTUAN RISDA	: RM 10,000 + RM 20,000 + RM 10,000.00
BIDANG PERUSAHAAN	: MAKANAN
TAHUN MULA PERNIAGAAN	: 2005 SEHINGGA SEKARANG
BILANGAN PEKERJA	: 3 ORANG
NILAI JUALAN TAHUNAN	: RM 40,000 – RM 50,000
NILAI JUALAN BULANAN	: RM 3000.00 – RM 4000.00



Usahawan muda dari Kampung Pulau Tiga, daerah kecil Kampung Gajah, En. Ahmad Fauzi b. Md Salleh atau lebih dikenali sebagai En. Burn mengusahakan produk berasaskan asam gelugor.

Idea untuk menghasilkan pelbagai variasi produk yang berasaskan gelugor datang dari beliau sendiri. Beliau mula berkecimpung dalam perusahaan ini pada awal tahun 2013 di bawah syarikat One Food Umi Enterprise.



USAHAWAN BELIA KAMPUNG PULAU TIGA

BIODATA USAHAWAN

NAMA USAHAWAN : AHMAD FAUZI BIN MD SALLEH
NAMA SYARIKAT : ONE FOOD UMI ENTERPRISE
ALAMAT SYARIKAT : KG. TELUK SAREH, PULAU TIGA,
36800 KG. GAJAH, PERAK DARUL RIDZUAN.
NO. TEL / FAKS : 012-306 9123
KELULUSAN / BIDANG : MAKANAN
PENERIMA BANTUAN RISDA : TAHUN 2015
BIDANG PERUSAHAAN : PRODUK MINUMAN BERASASKAN GELUGOR
TAHUN MULA PERNIAGAAN: 2013
BILANGAN PEKERJA : 1 ORANG
NILAI JUALAN TAHUNAN : RM102,500.00
NILAI JUALAN BUALAN : RM8,600.00

Oleh : Norazam Bin Wahab, PRD Perak Tengah/Kinta

beliau. Beliau mendapat khidmat nasihat dan bantuan peralatan daripada RISDA melalui projek Bantuan Aktiviti Ekonomi Tambahan (AET), Jabatan Pertanian dan FAMA. Kini pelbagai jenis produk berjaya dihasilkan termasuk pembekalan anak pokok, buahan segar asam gelugor, asam keping, *chopped*, pes asam gelugor, minuman asam gelugor, pati asam gelugor, kordial asam gelugor, halwa dan jem asam gelugor. Para pengunjung juga boleh melawat sendiri kebun asam gelugor dan pengalaman merasai suasana di samping boleh membeli dan menikmati produk-produk berkenaan. Hanya berbekalkan modal sendiri dan buah asam gelugor, produk asam gelugor beliau telah dikenali di sekitar kampung beliau dan di luar kawasan Kg. Gajah serta telah menjana pendapatan sekitar RM 8,000 sebulan. Hasrat beliau adalah untuk membuka dan memiliki kilang pemprosesan produk asam gelugor suatu hari nanti akan tercapai.

Idea asal terhasil apabila beliau melihat tanah seluas 8 ekar yang ditanam dengan pokok durian dan pokok gelugor milik keluarga beliau yang terbiar begitu sahaja tanpa diusahakan. Pokok gelugor tersebut kini telah berusia lebih 140 tahun dan hasilnya hanya dijual dalam bentuk asam gelugor keping. Jualan pula adalah atas permintaan dan bergantung kepada keadaan cuaca dan ini menyebabkan buah asam gelugor yang lain terpaksa dibuang begitu sahaja.

Melihat keadaan tersebut sebagai satu pembaziran, maka En Burn yang dahulunya bekerja sebagai Chef selama 20 tahun tekad untuk berhenti kerja dan menumpukan sepenuh perhatian kepada produk asam gelugor. Keistimewaan asam gelugor yang berbuah sepanjang musim secara tidak langsung menjadikan produk ini sentiasa ada di pasaran.

Pada awalnya, proses pembuatan dilakukan di rumah dan kini telah berkembang ke sebuah bengkel milik

Langit tidak selalunya cerah, pada akhir tahun 2014 ujian Allah menimpa apabila bencana banjir telah menenggelamkan bengkel dan kebun-kebun beliau. Namun, semua itu bukanlah alasan untuk beliau berputus asa malah beliau bersyukur dan yakin bahawa setiap ujian Allah pasti akan digantikan dengan sesuatu yang lebih baik. Selepas pulih dari bencana tersebut beliau bangun dan terus melangkah tanpa menoleh kebelakang lagi.

Antara Khasiat Asam Gelugor

- i) Mengurangkan tekanan darah tinggi
- ii) Memecahkan kolestrol dan lemak dalam badan.
- iii) Menyejukkan tekak selepas merokok atau batuk.
- iv) Awet muda bagi lelaki dan wanita.
- v) Membantu mengurangkan senggugut
- vi) Melawaskan pembuangan air kecil.
- vii) Melancar dan menstabilkan peredaran darah.
- viii) Membantu menyucikan punci kencing.
- ix) Menguatkan tenaga,
- x) Mengurangkan penyakit kencing manis.
- xi) Menambah selera makan.



KEHALUSAN UKIRAN MENAMBAH PENDAPATAN

Oleh : Shahrul Hisham bin Mohamed, PRN Kelantan



K.Satan Enterprise merupakan sebuah nama yang biasa di dengar di kalangan peminat ukiran besi dan ukiran kayu di Kelantan khususnya di daerah Jeli. Kraftangannya berasaskan besi dan kayu dan telah bertapak selama 5 tahun beralamat di No 253B, Kg Sungai Satan, 17700 Ayer Lanas, Jeli, Kelantan dan merupakan salah satu projek yang berjaya di bawah bimbingan RISDA. Pemiliknya Nik Mohd Kamarulzaman bin Nik Mohamed yang baru berusia 27 tahun merupakan seorang usahawan yang sangat gigih dan berinovasi dalam bidang ini. Minat dalam bidang seni ukir dipupuk sehingga menjadi punca pendapatan utama keluarga di samping sokongan moral daripada isterinya yang juga turut membantu dalam kerja-kerja mengukir.

BIODATA USAHAWAN

NAMA : NIK MOHD KAMARULZAMAN BIN NIK MOHAMED
NAMA SYARIKAT : K.SATAN ENTEPREPRISE
ALAMAT SYARIKAT : NO. 253B, KG SUNGAI SATAN, AYER LANAS, JELI, KELANTAN
NO TELEFON : 013-404 5019
PENERIMA BANTUAN : BANTUAN AET RISDA TAHUN 2014
TARAF PENDIDIKAN : SIJIL PELAJARAN MALAYSIA
PENDAPATAN TAHUNAN : RM 420,000/TAHUN
PENDAPATAN BULANAN : RM 35,000/BULAN

Sebelum beliau menceburi dalam kraftangan ukir, Nik Mohd Kamarulzaman bekerja sebagai penoreh dan berniaga secara kecil-kecilan di kampungnya untuk menyara keluarga.

Beliau bermula pada tahun 2013 secara kecil-kecilan dengan hanya menghasilkan ukiran sarung golok berbentuk biasa dengan modal permulaan sebanyak RM 2000. Pada masa yang sama, beliau hanya mampu menghasilkan produk dengan kapasiti pengeluaran yang terhad di antara 4 hingga 5 unit sarung sahaja. Pada tahun 2014, beliau memohon bantuan AET RISDA bagi menampung permintaan yang semakin tinggi dan beliau berjaya mendapat bantuan bernilai RM10,000 dalam bentuk peralatan (mesin) tambahan yang lebih canggih bagi memudahkan proses mengukir sarung yang lebih berkualiti. Pengeluaran produk meningkat kepada 20 hingga 30 unit sebulan dengan pelbagai gred ukiran antaranya gred A yang boleh mencecah RM 2,000.00 seunit dan beliau mampu menghasilkan 4 hingga 5 unit golok sehari yang berukiran halus. Pada Tahun 2015 pula tempahan meningkat kepada hampir 25 unit ukiran halus (gred A) dan purata pendapatan beliau mencecah RM 35,000 sebulan.

Sebelum ini, hanya beliau seorang sahaja yang melakukan kerja-kerja mengukir di samping bantuan daripada isterinya. Kini, beliau mempunyai 2 orang pekerja yang mahir dalam bidang ukiran dan beliau bercadang untuk menambah 2 orang lagi pekerjanya memandangkan permintaannya semakin tinggi.

Bahan-bahan kayu kayan yang beliau gunakan untuk membuat sarung adalah daripada jenis kayu yang bermutu tinggi yang diimport daripada Kemboja, Vietnam, Thailand dan Indonesia manakala besi pula diimport daripada Turki, Pakistan, Jepun dan Jerman



Dari segi pemasaran beliau menggunakan laman sosial yang lebih murah seperti Facebook, Instagram dan laman web Mudah.my. Selain pelanggan tempatan dan seluruh Malaysia, beliau juga pernah mendapat tempahan sarung golok daripada Singapura, Indonesia, Jepun, Thailand dan Perancis. Antara tempahan yang paling istimewa pernah dibuat ialah tempahan ukiran sarung keris untuk D.Y.M.M Sultan Kelantan dan tempahan ukiran untuk Dato Sri Mustapha bin Mohamed Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (pada waktu itu)

Beliau juga pernah menerima anugerah antaranya Usahawan Terbaik MDEC pada Tahun 2015, Wawancara bersama Program Wanita Hari Ini dan ASTRO Awani. Manakala dari segi tempahan pula, dan banyak lagi tempahan yang di terima oleh beliau.

Bagi beliau perancangan adalah penting untuk merealisasikan sesuatu impian. Oleh itu kita perlu berfikir matang dan sentiasa menerima kritikan yang membina untuk berjaya walaupun ia adalah perkara yang mustahil untuk kita lakukan.

MAKLUMAN SKIM PINJAMAN TABUNG PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI PEKEBUN KECIL RISDA (TPSEPK)

**TABUNG PEMBANGUNAN SOSIO EKONOMI
PEKEBUN KECIL (TPSEPK)** kini menawarkan peluang
pembiayaan kepada usahawan dan komuniti
pekebun kecil melalui 3 Skim Pinjaman iaitu:

01

SKIM PEMBIAYAAN PENGAJIAN BOLEH UBAH (SPPBU)

Pinjaman kepada anak Pekebun Kecil yang belajar
di Kolej Universiti Agrosains Malaysia (UCAM).
Kadar mengikut struktur yuran yang ditentukan oleh UCAM.

02

SKIM PINJAMAN AM (SPA)

Pinjaman kepada pekebun kecil untuk menjalankan
projek ekonomi On-Farm atau Off-Farm.
Kadar maksimum RM150,000.00.

03

SKIM PINJAMAN KOPERASI (SPK)

Pinjaman kepada KPK untuk menjalankan kegiatan
perniagaan. Kadar maksimum RM 500,000.00.

Untuk maklumat lanjut sila:

- i) Layari website RISDA www.risda.gov.my
- ii) Hubungi Pejabat RISDA yang berdekatan
- iii) Hubungi Bahagian Pembangunan Usahawan,
Ibu Pejabat RISDA
Tel: 03-42564022, Faks: 03-42567944
Email: usahawan@risda.gov.my

ISSN 2462-1684



9 772462 168000